



## PERAYAAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



### Sinopsis

Keistimewaan Malaysia dapat dilihat daripada kepelbagaian kaum dan perayaan. Unit ini membincangkan perayaan utama masyarakat di Malaysia dan tujuan perayaan tersebut diraikan. Di samping itu, unit ini turut menjelaskan cara sambutan perayaan zaman dahulu dan kini.



### Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Perayaan utama masyarakat di Malaysia.
- 2 Tujuan sambutan perayaan di Malaysia.
- 3 Cara sambutan perayaan dahulu dan kini.



### Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Meneroka bukti pelbagai perayaan yang terdapat di Malaysia.
- 2 Mengkaji sebab musabab perayaan diadakan di Malaysia.
- 3 Mencari perbezaan cara sambutan perayaan dahulu dan kini.



### Nilai Teras Sivik

- Hormat-menghormati
- Kegembiraan



IMBAS SAYA

Perayaan utama  
di Malaysia



## Perayaan Utama Masyarakat di Malaysia

Malaysia terkenal dengan pelbagai perayaan. Perayaan disambut penuh muhibah dan mementingkan tradisi. Perayaan yang berkaitan dengan keagamaan dan kebudayaan ialah Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Thaipusam, Vaisakhi, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Krismas, Wesak, Tahun Baharu dan San Pedro.



### Hari Raya Aidilfitri

- Disambut oleh masyarakat Islam pada 1 Syawal mengikut kalendar Islam.
- Menandakan kegembiraan selepas menjalani ibadah puasa selama sebulan.

### Hari Raya Aidiladha

- Disambut oleh masyarakat Islam pada 10 Zulhijah mengikut kalendar Islam. Perayaan ini diteruskan pada hari Tasyrik, iaitu pada 11, 12, dan 13 Zulhijah.
- Umat Islam mengadakan ibadah korban dan memberikan sedekah daging korban tersebut.



### Tahun Baharu Cina

- Disambut oleh masyarakat Cina pada hari pertama dalam kalendar Cina.
- Perayaan bermula dengan seluruh ahli keluarga berkumpul untuk makan malam bersama-sama. Perayaan ini berlanjutan selama 15 hari hingga hari "Chap Goh Meh."



Sumber: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2006. Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: KeKKwa.



### AKTIVITI

Secara berkumpulan, bincangkan bagaimanakah amalan perayaan mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan?



Mengapakah masyarakat kita perlu mempertahankan warisan perayaan kita?

### NOTA GURU

- Bantu murid memahami perayaan utama yang terdapat di negara kita.





### Deepavali

- Disambut pada bulan Aippasi mengikut kalendar masyarakat Hindu.
- Perayaan ini menandakan kecerahan mengatasi kegelapan atau kebijaksanaan mengatasi kejahatan. Ketika perayaan, penganutnya akan menghias rumah dengan "kolam" dan menyalakan pelita.

### Thaipusam

- Thaipusam diraikan pada bulan ke-10 kalendar masyarakat Hindu yang jatuh pada bulan penuh antara akhir Januari hingga awal Februari.
- Bagi pembayar niat, mereka membawa persembahan kepada Dewa Murugan sebagai tanda terima kasih atau meminta hajat lain.



### Hari Gawai

- Disambut oleh kaum Dayak, Iban dan Bidayuh pada 1 Jun setiap tahun.
- Perayaan ini untuk menunjukkan tanda kesyukuran terhadap hasil tani yang diperoleh. Semasa perayaan ini, persembahan ngajat turut diadakan di dalam rumah panjang.



### Pesta Kaamatan

- Disambut oleh kaum Kadazandusun dan Murut pada bulan Mei setiap tahun.
- Pesta ini disambut oleh golongan petani bagi mensyukuri hasil tuai. Semasa pesta berlangsung, diadakan upacara ritual Magavau oleh Bobohizan. Tarian sumazau dan pertandingan Unduk Ngadau diadakan bagi memeriahkan sambutan.



### Krismas

- Disambut oleh penganut agama Kristian pada 25 Disember setiap tahun.
- Perayaan ini diraikan bersempena dengan memperingati hari kelahiran Jesus Christ. Pemberian hadiah dan nyanyian karol dari rumah ke rumah memeriahkan perayaan ini.



### GLOSARI

Karol merupakan nyanyian gembira atau puji-pujian, terutamanya semasa perayaan hari Krismas.

### PAK-21 Trade a Problem

1. Bina tiga kumpulan dalam kelas anda.
2. Satu kumpulan membuat perbandingan tentang sambutan perayaan yang terdapat di negara kita.
3. Senaraikan perbandingan ini dan kemudian dihantar kepada kumpulan lain untuk mendapatkan penjelasan. Hasil penjelasan dibentangkan.



### Hari Wesak

- Disambut oleh masyarakat beragama Buddha pada bulan Mei setiap tahun.
- Perayaan ini dikaitkan dengan tiga peristiwa penting dalam hidup Siddhartha Gautama, iaitu hari kelahiran, hari mencapai kesempurnaan fikiran dan hari nirwananya. Ketika perayaan, penganutnya akan memandikan patung Buddha Siddhartha yang bermakna penyucian diri serta mengagihkan makanan kepada sami.

### Vaisakhi

- Disambut oleh kaum Sikh pada bulan keempat Vaisakh mengikut kalendar Sikh.
- Pada 14 hari bulan Vaisakh, kaum Sikh akan mengadakan upacara sembahyang di Gurdwara.
- Perayaan ini disambut bagi mensyukuri hasil tanaman. Dari aspek kebudayaan, tarian Bhangra dan Gidha akan disambut di luar kawasan Gurdwara.



### Sambutan Tahun Baharu, Genggulang dan Hari Moyang



- Sambutan Tahun Baharu Orang Asli dikenali sebagai sambutan "Tahun Baro" bagi suku Jakun. Suku Semai pula menyebutnya sebagai "Jis Pai". Suku Temuan mengenalinya sebagai "Tahun Bahauk" dan suku Mah Meri menyebutnya sebagai "Tawun Empai". Perayaan ini bermula pada 31 Disember setiap tahun.
- Suku Semai meraikan Hari Genggulang dengan berdoa agar wujud kesejahteraan di kampung.
- Bagi masyarakat Orang Asli di negeri Selangor dan Negeri Sembilan, mereka meraikan "Hari Moyang".

### San Pedro

- Disambut oleh masyarakat berketurunan Portugis di Melaka pada bulan Jun setiap tahun.
- Perayaan ini bagi meraikan San Pedro, iaitu penaung nelayan. Kapal-kapal akan dihias indah oleh nelayan. Tarian branyo yang diwarisi sejak dahulu lagi akan ditarikan pada hari tersebut.



Kita perlulah menghormati perayaan kaum lain dan menghargai warisan perayaan ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kepercayaan. Sikap ini akan membantu kita membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.



## Tujuan Perayaan Masyarakat di Malaysia

Perayaan di Malaysia mempunyai beberapa tujuan. Antara tujuannya termasuklah menurut tuntutan agama, meraikan tahun baharu, tanda bersyukur, mengharapkan unsur baik mengatasi kejahatan dan mengingati tokoh agama tersebut.

### Keagamaan

1

- Hari Raya Aidilfitri
- Hari Raya Aidiladha
- Krismas
- Thaipusam

### Meraikan Tahun Baharu

2

- Tahun Baharu Cina
- Tahun Baro
- Jis Pai
- Tahun Bahauk
- Tawun Empai

### Mensyukuri Hasil Tanaman atau Hasil Laut

3

- Hari Gawai
- Pesta Kaamatan
- Vaisakhi
- San Pedro

### Mengharapkan Unsur Baik Mengatasi Kejahatan

4

Deepavali

### Mengingati Tokoh Agama

5

Hari Wesak



### PAK-21 Fikir-Pasangan-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Guru mengemukakan soalan tentang perayaan dan tujuan diraikan di negara kita. Guru juga menanyakan kepentingan menghormati kepelbagaian sambutan dan adab perayaan di Malaysia.
2. Murid membentuk kumpulan secara berpasangan dan membincangkan soalan tersebut.
3. Kongsi hasil perbincangan dengan kumpulan lain.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar menghormati kepelbagaian sambutan dan memelihara warisan perayaan agar negara kita kekal harmoni.



11.3.2  
K11.3.5

### NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti tujuan sesuatu perayaan yang diadakan di Malaysia.



## Cara Sambutan Perayaan Dahulu dan Kini

Kemeriahan menyambut perayaan dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita kekal dari dahulu hingga kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan sambutan perayaan pada masa ini. Antara perubahan tersebut termasuklah cara sambutan, menyampaikan ucapan dan kaedah penyediaan kuih.

### Dahulu



Kad ucapan dihantar melalui pos atau serahan tangan.

### Kini



Ucapan dihantar menggunakan media elektronik dan media sosial.



Mengambil foto keluarga di kedai gambar.



Swafoto bersama keluarga dan memuat naiknya di media sosial.



### AKTIVITI

Melalui kaedah temu bual, dapatkan maklumat tentang perbezaan cara sambutan pelbagai perayaan masyarakat di negara kita dahulu dan kini.



### GLOSARI


Swafoto bersama bermaksud gambar dua orang atau lebih yang diambil sendiri dengan menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.

### Dahulu



Tradisi membuat "kolam" daripada tepung ketika perayaan Deepavali.

### Kini



"Kolam" dihasilkan daripada beras atau hampas kelapa yang berwarna-warni.



Tradisi makan besar di rumah dengan berkumpul bersama-sama keluarga pada malam Tahun Baharu Cina.



Tradisi tersebut masih diraikan, namun terdapat keluarga yang memilih untuk menikmatinya di restoran atau hotel.




Penyediaan kuih-muih dengan menggunakan bahan dan kaedah tradisional serta dilakukan secara gotong-royong.



Penggunaan peralatan moden memudahkan penyediaan kuih. Selain itu, kuih raya juga mudah dibeli.

### Dahulu



Hari Gawai diraikan oleh golongan petani daripada kaum Dayak dengan mengadakan pelbagai upacara ritual.

### Kini



Hari Gawai diraikan oleh pelbagai kaum tanpa mengira bidang pekerjaan.



Semasa Pesta Kaamatan, upacara Unduk Ngadau (ratu cantik) diadakan. Pemenang pertandingan Unduk Ngadau dipilih berdasarkan semangat Huminodun, iaitu kesanggupan berkorban untuk menyelamatkan generasinya.



Pada masa ini, pemenang Unduk Ngadau juga dipilih berdasarkan sesi soal jawab tentang sejarah dan kehidupan masyarakat lampau.



### TAHUKAH ANDA?

Rumah terbuka ialah rumah yang dapat dikunjungi oleh semua orang, biasanya pada hari-hari perayaan. Kerajaan Malaysia telah memutuskan sebanyak enam perayaan sebagai perayaan utama yang dikenali sebagai Rumah Terbuka Malaysia. Enam perayaan tersebut ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Krismas.

### NOTA GURU

- Bimbing murid memahami cara sambutan perayaan dahulu dan kini di Malaysia.

Walaupun terdapat banyak perubahan dalam cara sambutan perayaan dahulu dan kini, masih terdapat beberapa amalan yang terus kekal dalam masyarakat.



Tradisi balik ke kampung dalam masyarakat setiap kali menjelang perayaan di Malaysia.

Pemberian duit raya dan angpau kekal sehingga kini.



Amalan kunjung-mengunjungi kekal menjadi amalan budaya masyarakat kita.



### PAK-21 SWOT

Bentukkan kumpulan murid yang membincangkan isu:

- Kekuatan untuk mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Kelemahan untuk mempertahankan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Peluang untuk mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.
- Halangan dan cabaran mengekalkan warisan perayaan masyarakat di Malaysia.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa bangga kerana kemeriahan dan sambutan perayaan dapat mengeratkan perpaduan masyarakat demi kesejahteraan negara.



11.8.3  
K11.8.6

### NOTA GURU

- Bimbing murid membuat analisis SWOT berkaitan dengan sambutan perayaan.



## JOM BUAT

### Tanglung Mini

Bahan yang diperlukan:

1. Dua helai kertas berwarna merah dan kuning
2. Gam
3. Pita pelekat
4. Gunting
5. Pengokot
6. Pembaris



1



Lipat kertas merah menjadi dua bahagian dan tandakan 2 cm lebar pada bahagian atas lipatan. Buat garisan selebar 1 cm.

2



Lekatkan pita pelekat berwarna di bahagian atas dan bawah lipatan kertas merah sebagai hiasan. Gunting pada setiap garisan.

3



Tandakan 2 cm lebar pada kertas kuning dan gunting untuk dibuat tangkai. Kertas kuning selebihnya akan dijadikan alas dalam tanglung.

4



Buka lipatan dan tampalkan hujung bahagian atas dan bawah kertas merah pada kertas kuning.

5



Cantumkan kedua-dua hujung kiri dan kanan kertas dengan pengokot untuk membentuk tanglung.

6



Lekatkan tangkai pada bahagian atas tanglung dengan gam. Tanglung mini yang telah siap boleh digantung untuk hiasan.



## IMBAS KEMBALI

1

### Perayaan Utama Masyarakat di Malaysia



2



3

Perbezaan dahulu dan kini

**Cara Sambutan Perayaan Dahulu dan Kini**

Penerusan tradisi lama

Unit ini membincangkan perayaan pelbagai kaum di Malaysia. Kita perlu menghormati adat dan budaya kaum lain agar negara kita kekal sejahtera. Unit seterusnya akan membincangkan kepimpinan negara kita.



## FIKIR DAN JAWAB

A Nyatakan tujuan perayaan ini diraikan berdasarkan gambar di bawah.



(i)



(ii)



(iii)



(iv)



(v)

B Lihat gambar berkaitan dengan perayaan di bawah dan jawab soalan yang diberikan.



Andaikan anda menghadiri majlis Rumah Terbuka. Ceritakan perasaan anda dan kebaikan amalan ini.

\_\_\_\_\_



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



## CINTA AKAN NEGARA

Memahami dan menghayati perayaan di negara kita akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Kita perlu mengekalkan tradisi perayaan ini agar kesejahteraan negara kekal berpanjangan.



### Diri

Menghayati perayaan yang terdapat di negara kita akan melahirkan insan yang menghormati budaya kaum lain.

### Masyarakat

Masyarakat yang menghormati budaya dan adat resam kaum lain akan melahirkan generasi yang hidup sejahtera dan harmoni.

### Negara

Masyarakat yang harmoni mampu membentuk negara yang aman dan maju.

